




MENARA Merdeka 118 yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah malam kelmarin. Menara Merdeka 118 setinggi 678.9 meter menjadi bangunan tertinggi di Malaysia dan menjadi mercu tanda baharu ibu kota.

Simbol realiti wajah Malaysia yang merdeka

Kuala Lumpur: Rakyat perlu melihat Menara Merdeka 118 sebagai kejayaan dalam meniti liku-liku kemerdekaan sehingga sebuah negara serba rencam dan majmuk dapat disatukan atas semangat nasionalisme yang tinggi.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, mercu tanda baharu itu adalah simbol rakyat meraikan kepelbagaian negara sebagai realiti wajah Malaysia yang merdeka.

"Dari sudut mana sekalipun kita melihat menara ini, ia memberi cerminan bagaimana negara kita melalui peredaran zaman sehingga akhirnya maju jaya dalam pelbagai bidang dengan struktur sosial dan nilai perpaduan menurut acuan kita yang tersendi-

ri.

"Justeru, rakyat Malaysia sewajarnya bangga kerana Menara Merdeka 118 ini adalah bukti kejayaan Malaysia yang berterusan," titah baginda pada Majlis Perasmian Menara Merdeka 118 di sini, kelmarin.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Pada masa sama, Al-Sultan Abdullah berkenan merasmikan dan memasyhurkan Masjid Al-Sultan Abdullah yang juga masjid utama di Kompleks Menara Merdeka 118 serta menzahirkan ucapan terima kasih kerana sudi menamakan ia dengan nama baginda.

"Ia adalah satu tanda ingatan dan hadiah yang sungguh berharga kepada Beta dan Raja Permaisuri

Agong yang akan kami hargai selagi nyawa di kandung badan," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana menjadikan pembinaan Menara Merdeka 118 sebagai satu kenyataan.

Baginda turut menzahirkan keyakinan PNB sebagai sebuah institusi, pelaburan utama negara yang akan terus melangkah maju dalam usaha memperkasakan ekonomi negara.

"Marilah sama-sama kita berdoa semoga ekonomi negara akan terus berkembang maju dan keamanan serta kesejahteraan akan terus berkekalan buat negara Malaysia yang kita cintai ini," titah baginda.